

NO. SOALAN : 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)

Tuan Su Keong Siong [BUKIT BINTANG] meminta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah subsidiari-subsidiari Felda Global Ventures (FGV) yang sedang mengalami masalah kewangan akibat pelaburan di luar dan di dalam negeri.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini tiada sebarang masalah kewangan yang dihadapi oleh subsidiari-subsidiari FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV).

Sebagai sebuah syarikat senaraian awam yang bertanggungjawab, FGV telah mendedahkan prestasi kewangannya dalam Penyata Kewangan Tahunan dan Laporan Suku Tahun sejajar dengan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

SULIT

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 7 OGOS 2017

RUJUKAN : 10031

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap keseriusan aktiviti penjualan dadah yang dilakukan secara atas talian (*online*) serta kumpulan sasaran bagi sindiket- sindiket tersebut.

SULIT

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti penjualan dadah secara atas talian merupakan kaedah baharu mempromosi, menjual dan mengedar dadah dan bahan berasaskan ganja melalui laman web dan aplikasi *Facebook* kepada golongan muda.

PDRM sentiasa memantau aktiviti penjualan dadah secara atas talian. Hasil daripada risikan dan siasatan yang dijalankan, PDRM telah berjaya mengesan dan membanteras 2 sindiket pengedaran dadah secara atas talian seperti berikut:

Tahun	Tangkapan	Rampasan
2015	- 4 orang lelaki dan 3 orang perempuan Melayu	- 7.1 kg ganja - 214 botol cecair ganja
2017	- 2 orang lelaki India - 1 orang perempuan warga Indonesia	- 18 batang pokok ganja - 27 kg benih ganja - 6 kg serbuk ganja - 18 liter cecair ganja - 0.84 liter pes ganja

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 OGOS 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

SOALAN :

YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan pembangunan teknologi hijau oleh syarikat-syarikat petroleum antarabangsa, termasuk Shell :-

- a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh PETRONAS untuk membangunkan kuasa teknologi hijau; dan
- b) apakah sasaran peratusan penjanaan kuasa teknologi hijau oleh PETRONAS bagi tahun 2017.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS sentiasa peka dengan perkembangan teknologi hijau dengan meneroka potensi jangka panjang teknologi ini selari dengan usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*GHG emission*) dan mendokong pembangunan lestari.

Walaupun fokus utama perniagaan PETRONAS adalah minyak dan gas, beberapa inisiatif telah diambil seiring dengan pembangunan teknologi hijau. Sebagai contoh, pada tahun 2012 PETRONAS telah memasang panel tenaga suria di atas permukaan bumbung (*rooftop solar photovoltaic (PV)*) yang terbesar di Malaysia di pusat membeli belah Suria KLCC seluas 9,000 meter persegi yang dapat menjana kuasa elektrik sehingga 685 kilowatt (KW). Selain itu, teknologi PV yang sama juga di pasang di dua stesen PETRONAS di sekitar Lembah Klang.

Disamping itu, pada tahun 2013 PETRONAS telah membangunkan sebuah stesen janakuasa suria atau *Solar Independent Power Plant* di Gebeng, Kuantan dengan kapasiti puncak 10 megawatt (MW). Stesen ini

telah memulakan operasi dan menjana kuasa elektrik sebanyak 12 gigawatt sejam (GWh) setahun. Bekalan ini cukup untuk menampung keperluan 4,500 buah kediaman dengan pengurangan pelepasan gas CO₂ sebanyak 8,000 tan setahun.

Selain itu, baru-baru ini PETRONAS Dagangan Berhad dengan kerjasama *Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)* telah mengumumkan pemasangan kemudahan pengecas kenderaan elektrik (EV) di 66 buah stesen PETRONAS di sepanjang lebuh raya utama Semenanjung Malaysia.

Pada masa ini, PETRONAS masih belum meletakkan sebarang sasaran kepada penjanaan kuasa elektrik menerusi teknologi hijau memandangkan penglibatan PETRONAS di dalam perniagaan penjanaan kuasa elektrik adalah masih terlalu kecil dan bukan merupakan fokus perniagaan PETRONAS buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017